



HANNAH mempengerusikan mesyuarat, kelmarin. FOTO MSN

## SUKMA XXI SARAWAK

# 488 acara dipertandingkan

**Kuala Lumpur:** Jawatan-kuasa Tertinggi Sukan Malaysia (Sukma) secara rasmi bersetuju menawarkan penganjuran sejumlah 488 acara untuk temasya Sukma XXI Sarawak yang dijadualkan berlangsung pada 17 hingga 24 Ogos depan.

Jumlah tawaran acara terbahagi kepada 236 acara lelaki, 217 acara wanita dan 35 acara campuran atau terbuka untuk 37 jenis sukan yang dipertandingkan itu diputuskan dalam mesyuarat dipengerusikan

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Majlis Sukan Negara (MSN) dalam satu kenyataan kelmarin berkata, setiap acara perlu menyaksikan penyertaan minimum atlet daripada enam negeri untuk ia dipertandingkan.

Temasya Sukma edisi Ke-21 kali ini akan dilangsungkan di sembilan bahagian seluruh Sarawak iaitu Kuching dengan 25 jenis sukan, Samarahan (2), Serian (1), Sri Aman (1),

Betong (1), Sibu (3), Mukah (3), Bintulu (3) dan Miri (6) bagi memastikan kemeriahannya dapat dirasai rakyat di seluruh Sarawak.

Penganjur juga mengenalpasti lima perkampungan sukan utama bagi menempatkan atlet-atlet daripada 15 kontinjen bertanding iaitu di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Kota Samarahan, Kolej Laila Taib di Sibu, UiTM Kampus Mukah, UPM Kampus Bintulu dan IKBN Miri.